

NO. SOALAN: 15

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan skop serta bidang penilaian yang akan digunakan dalam Indeks Syariah yang akan diguna pakai mulai tahun ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Syariah Malaysia merupakan satu kaedah pengukuran saintifik untuk menilai keseriusan usaha kerajaan dalam melaksanakan dasar dan program agar menepati piawaian Islam, serta mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.

Penilaian Indeks Syariah Malaysia (ISM) adalah berteraskan lima prinsip maqasid syari'ah, yang diukur berdasarkan kepada lapan sektor utama dalam pengurusan dan pentadbiran negara iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran, serta sosial.

Pengukuran pencapaian ISM dilakukan ke atas tiga komponen iaitu penggubal dasar (pemerintah), pelaksana dasar (agensi-agensi pelaksana) dan masyarakat awam keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.